

Pakar silat bukti kehebatan

Oleh KARTINI NOOR
Gambar KAMARUDDIN AHMAD

KUALA LUMPUR, Ahad — Satu lagi percubaan oleh 'stuntman' Malaysia untuk mencatatkan nama negara dalam Buku Rekod Dunia Guinness dilakukan hari ini — kali ini menerusi kehebatan pencak silat.

Jurulatih kanan Pertubuhan Silat Gerak Kilat Kebangsaan, Encik Zabidi Ismail, 23, memboloskan dirinya daripada "karung api" dalam pertunjukan khas untuk rancangan *Sekapur Sireh TV3*, pagi tadi.

Sebelum ini, 'Orang Kuat' Malaysia R Let-chemanah mencatatkan nama negara dalam buku itu apabila berjaya menarik pesawat Boeing 737-200 Penerbangan Malaysia (MAS) menggunakan rambutnya, pada Oktober lalu.

Acara hari ini, yang disiarkan secara langsung, dianjurkan oleh News Promotions dengan kerjasama TV3 dan ditaja oleh Joperma Sdn Bhd. Anggota bomba dan Persatuan Bulan Sabit Merah serta sebuah ambulans turut bersiap sedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

Dalam pertunjukan itu, Encik Zabidi masuk ke dalam karung diperbuat daripada kanvas yang kemudian diikat sebelum disiram dengan minyak tanah. Karung itu juga ditutup dengan kotak diperbuat daripada buluh dan kertas.

Encik Zabidi, yang membaca beberapa potongan ayat al-Quran sebelum melakukan acara itu, hanya mengambil masa kira-kira lima saat untuk menanggalkan ikatan karung dan melompat keluar daripada karung dan kotak yang dijilat api.

Pengarang Berita News Promotions, Encik Zahir Bujang, berkata pertunjukan itu adalah sebahagian acara percubaan menempatkan nama negara dalam buku rekod dunia itu yang akan diadakan di Dataran Merdeka, pada jam 8.30 malam 9 Februari ini.

14 JAN 1991

B. Harian (M)

"Kita harap menerusi pertunjukan ini dapat menarik orang ramai menyaksikan kehebatan pencak silat pada malam itu," katanya.

Menurutnya, 20 acara akan diperselenggarakan dan dijangka disaksikan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Elyas Omar dan wakil Buku Rekod Dunia Guinness dari London.

"Kira-kira 20 pendekar akan mengambil bahagian dalam acara selama dua jam itu dengan memperselempahkan kebolehan mengghaibkan diri, memakan kaca dan pisau cukur serta mandi asid," katanya.

Sementara itu, Encik Zabidi pula berkata, beliau membabitkan diri dalam seni silat kerana bidang itu mendedahkannya kepada ketahanan fizikal, batin dan ilmu rawatan tradisional.

Beliau yang bekerja sebagai perawat tradisional di syarikat Joperma di Johor, mula mempelajari silat ketika berumur 15 tahun.

Mandi asid

Bapa kepada seorang anak itu juga mela-tih kira-kira 20 pesilat lain untuk menjadi jurulatih.


"Keyakinan kepada iman dan diri sendiri adalah faktor utama yang menyelamatkan saya daripada sebarang kemalangan," katanya.

Menurutnya, setakat ini beliau sudah mengadakan 40 persembahan pencak silat yang turut membawanya sehingga ke Sabah, Sarawak, Indonesia dan Brunei Darussalam.

Encik Zabidi berkata, beliau juga pernah membuat persembahan memakan kaca dan pisau, mandi asid dan mengghaibkan diri.

Yang Dipertua Pertubuhan Silat Gerak Kilat Kebangsaan, Datuk Johari Mansor, berkata pertubuhan itu kini dianggotai oleh 100,000 ahli di seluruh Asia.

Menurutnya, seorang pesilat yang ingin menjadi pendekar perlu melalui pelbagai latihan selama tiga bulan.




B. Harian (M)


KARUNG diikat dengan sejenis tali yang kuat, bagi memastikan ia tidak mudah dibuka. **14 JAN 1991**



DATUK Mansur membakar kotak kertas yang menutup karung dengan Encik Zaidi di dalamnya.



DATUK Mansur memeriksa unggun api untuk memastikan ia membakar kotak itu.



SELAMAT...Encik Zabidi, dengan aksi bersilat, (kiri) melompat keluar dari unggun api.